

MAHATHIR-KAMPUCHEA 'R'R'R'
(1).

DARI MERVIN NAMBIAR

1182

BANGKOK, 9 DIS (BERNAMA) -- INDIA HARUS MEMATUHI KEHENDAK RAMAI DALAM PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN MEMBENARKAN PUTERA NORODOM SIHANOUK BERUCAP DI SIDANG KEMUNCAK PERGERAKAN ITU DI NEW DELHI MAC DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI MALAYSIA BERKATA WALAUPUN SIDANG KEMUNCAK ITU DIADAKAN DI INDIA, ADALAH TIDAK KENA BAGI KERAJAAN INDIA, SEBAGAI TUANRUMAH, TIDAK MENGENDAHKAN PENDAPAT RAMAI SEKIRANYA KEBANYAKAN NEGARA ANGGOTA MAHUKAN PUTERA ITU DIJEMPUT HADIR.

+ADALAH TIDAK WAJAR BAGI NEGARA TUAN RUMAH MENGENEPIKAN APA YANG PADA ASASNYA IALAH HAK SEKUMPULAN ORANG YANG PERGI KE NEGARA ITU UNTUK BERMESYUARAT,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SIDANG AKHBAR DI AKHIR LAWATANNYA SELAMA DUA HARI KE NEGERI THAI. -- LAGI 1844/ZCM
NNNN

MAHATHIR-KAMPUCHEA 2 BANGKOK 'R'R'R'

+MISALNYA, SEKIRANYA MALAYSIA TIDAK MAHU ORANG-ORANG DARI NEGERA TERTENTU MENGHADIRI MESYUARAT YANG IA MENJADI TUAN RUMAH, IA AKAN MEMINTA SUPAYA MESYUARAT ITU DIADAKAN DI TEMPA LAIN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBINCANGANNYA SELAMA SEJAM DENGAN RAKAN SEJAWATNYA JEN. PREM TINSULANONDA SEMALAM BANYAK TERTUMPU KEPADA MASALAH KAMPUCHEA.

BELIAU BERKATA INDIA TIDAK BOLEH MENGENEPIKAN APA YANG NYATA, IAITU KEBANYAKAN ANGGOTA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI BARU-BARU INI TELAH MONGUNDI MENYOKONG PUTERA SIHANOUK DAN KERAJAAN CAMPURANNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERBATU. -- LAGI 1907/ZCM

MAHATHIR-KAMPUCHEA 3 BANGKOK 'R'R'R'

MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA LAIN YANG MENYOKONG PUTERA BIHANOUK BAGAIMANAPUN TIDAK MENGENAKAN SEBARANG TEKANAN KE ATAS INDIA.

+APA YANG KITA MAHU IALAH PUTERA ITU, YANG MERUPAKAN SEORANG TOKOH PERGERAKAN BERKECUALI, DIBERI PELUANG BERUCAP DI SIDANG KEMUNCAK ITU,+ KATA PERDANA MENTERI.

+DUA KALI KEBALAHAN TIDAK MEMBUATNYA BETUL,+ TEGAS BELIAU SEBAGAI MERUJUK KEPADA SIDANG KEMUNCAK YANG LALU DI HAVANA DAN SUKAN ASIA DI NEW DELHI YANG TIDAK MEMBENARKAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA MENGAMBIL BAHAGIAN.

DITANYA SAMA ADA SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP PUTERA SIHANOUK MELIBATKAN BANTUAN KETENTERAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BUKAN MENJADI DASAR MALAYSIA UNTUK MEMBER BANTUAN KETENTERAAN KEPADA MANA-MANA NEGARA LUAR. -- LAGI 1920/ZCM
NNNN

ZCZC

B679

MAHATHIR-KAMPUCHEA 4 BANGKOK 'R'R'R'

KATANYA SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP DEMOKRATIK KAMPUCHEA TERTUMPU KEPADA KEPADA USAHA MENDAPATKAN UNTUKNYA PENGIKTIRAFAN MAKSIMA DALAM MASYARAKAT ANTARABANGSA.

BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA MENGHUBUNGINYA UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN DI BIDANG SOSIAL, MALAYSIA AKAN MENIMBANGKAN PERKARA ITU DENGAN MENGAMBILKIRA KEUPAYAANYA YANG TERHAD.

DITANYA APAKAH PANDANGANNYA MENGENAI SOKONGAN CHINA KEPADA DEMOKRATIK KAMPUCHEA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENGALU-ALUKAN KENYATAAN PEKING BARU-BARU INI BAHAWA CHINA AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA KETIGA-TIGA PUKA NASIONALIS KAMPUCHEA, DAN TIDAK HANYA KEPADA KHMER ROUGE. -- BERNAMA 1920/ZCM